

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**  
Pejabat Setiausaha Kerajaan,  
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri,  
70503 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06-7632041 (Talian Terus)  
06-7659911  
No. Faks : 06-7673728  
Email : [matali@ns.gov.my](mailto:matali@ns.gov.my)

Ruj. Kami : SUKNS.600-5/2/1 (5)  
Tarikh : /6 Julai 2014

**Ketua Jabatan Kerajaan Negeri**  
**Ketua Jabatan Persekutuan di Negeri Sembilan**  
**Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri, Negeri Sembilan**  
**Badan Sukarela, Sukan dan Kebudayaan di Negeri Sembilan**

Y.B. Dato'/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENCALONAN BAGI PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG  
DAN PINGAT NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS TAHUN 2015**

Dengan segala hormat dan takzimnya adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sempena sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Ke-67 pada 14 Januari 2015, Ke Bawah Duli Tuanku telah berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat kepada rakyat yang telah memberi sumbangan dan perkhidmatan yang cemerlang untuk Negeri Sembilan dan Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, Y.B. Dato'/ Dato' / Datin / Tuan / Puan dipohon untuk mengemukakan calon-calon dikalangan kakitangan dan ahli di bawah tanggungjawab Y.B. Dato'/ Dato' / Datin / Tuan / Puan yang difikirkan layak dan sesuai dipertimbangkan untuk pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat tersebut. Jenis-jenis pengurniaan yang boleh dipertimbangkan adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Bersama-sama ini dilampirkan contoh borang percalonan untuk rujukan dan tindakan Y.B. Dato'/ Dato' / Datin / Tuan / Puan. Borang tersebut juga boleh di cetak daripada laman web [www.ns.gov.my](http://www.ns.gov.my).

...2/-

4. Setiap pencalonan hendaklah dikemukakan dalam **dua (2) salinan**. Butir-butir yang diisi dalam borang pencalonan hendaklah ditaip atau ditulis dengan huruf besar. Semua maklumat hendaklah diisi dengan lengkap. Borang pencalonan hendaklah sampai ke alamat seperti di bawah ini tidak lewat daripada **31 Ogos 2014** :-

Y.B. Setiausaha Kerajaan  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri  
70503 Seremban.

(u/p : **UNIT PENGURUSAN MAJLIS RASMI DAN PROTOKOL**)

5. Pencalonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini bolehlah menghubungi **Unit Pengurusan Majlis Rasmi Dan Protokol di talian 06-7659001 / 7659002** .

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya dengan hormatnya,



**(DATO' HAJI MAT ALI BIN HASSAN)**  
Setiausaha Kerajaan  
Negeri Sembilan Darul Khusus

s.k.

i. Setiausaha  
Dewan Keadilan dan Undang  
Seremban

ii. Pengelola Bijaya Diraja  
Istana Hinggap  
Seremban

iii. Setiausaha Sulit Y.A.B. Menteri Besar N. Sembilan

iv. Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bersama – sama ini disertakan  
Borang Pingat untuk kegunaan  
pejabat Y.Bhg. Dato'/ Tuan.